



20 FEB, 2025

Matador lega mara ke separuh akhir Piala TNB

Sinar Harian, Malaysia



Sufyan menjadi tonggak Matador dalam saingan MHL musim ini.

Matador lega mara ke separuh akhir Piala TNB

KEJAYAAN Kelab Hoki Matador melangkah ke saingan separuh akhir Piala TNB 2025 bukan diraih dengan mudah, sebaliknya menerusi semangat juang tinggi pemain-pemain.

Pengurusnya, Sarwan Singh berkata, pemain memperagakan aksi terbaik sejak wisel ditiupkan untuk mengatasi TNB Thunderbolts 2-1 dalam aksi suku akhir di Stadium Hoki Kementerian Pendidikan di Jalan Pantai, Kuala Lumpur pada Selasa.

Tambahnya, kejayaan tersebut juga sangat bermakna buat pasukan yang kali pertama tampil dalam saingan Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini.

"Ia juga merupakan sasaran pasukan yang mahu melangkah ke separuh akhir. Saya gembira ia berjaya direalisasikan.

"Kemenangan diraih dalam keadaan sukar dengan tentangan sengit pasukan lawan. Apa pun ia satu penghormatan kepada kami kerana layak ke separuh akhir dalam penampilan sulung di MHL," katanya.

Gol Matador diraih menerusi pakar *drag-flick*, Muhammad Sufyan Khan dan Abdul Hannan Shahid, manakala jaringan TNB Thunderbolts hasil jaringan Mohd Atif Aqil Zubir.

Sarwan turut meluahkan rasa bangga dengan prestasi yang dipamerkan oleh pemain termasuk penjaga gol, Adrian Andy Robert.